

15 JUL 2000

Mahathir-pelancongan

DR MAHATHIR MINTA PEMAJU PELANCONGAN JAGA PERSEKITARAN

KUCHING, 15 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pemaju pelancongan harus berhati-hati dalam membangunkan produk mereka agar ia tidak menjejaskan persekitaran.

Perdana Menteri berkata usaha itu perlu supaya alam sekitar kekal seperti sedia kala.

Kerajaan menggalakkan pembangunan produk pelancongan bukan sahaja untuk meningkatkan pendapatan negara tetapi juga menambah pendapatan penduduk sekitarnya, katanya semasa merasmikan Borneo Highlands Resort, sebuah pusat peranginan bercirikan keindahan alam semula jadi di Puncak Borneo, 30km dari sini.

Dr Mahathir berkata keindahan dan kecantikan yang ada di negara ini harus dinikmati bukan sahaja oleh rakyat tempatan tetapi juga oleh penduduk seluruh dunia.

"Ini adalah anugerah Tuhan. Kita mesti menikmati negara cantik ini, yang dicantikkan lagi dengan usaha manusia," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun perlu ada penebangan pokok dalam proses pembangunan tetapi ianya perlu dihadkan supaya dapat mengekal dan melindungi hutan dan alam sekitar.

"Di Malaysia, kita lihat orangnya kadang-kadang nak bukit tetapi bila dia dapat bukit dia tebang dan potong bukit itu jadi tanah rata" katanya.

Katanya, begitu juga dengan keadaan hutan sering ditebang sehinggakan tiada hutan lagi.

Perdana Menteri juga berkata walaupun penduduk di negara ini terdiri daripada pelbagai kaum dan budaya, namun tetap hidup dalam keadaan harmoni.

Dr Mahathir juga menyatakan rasa kagum dengan persembahan tarian tradisi pelbagai kaum semasa ketibaan rombongan di situ.

Mengenai projek berharga RM500 juta itu, beliau yakin tempat peranginan mesra alam sekitar itu dapat capai kemajuan untuk menarik pelancong di samping memberi peluang pekerjaan kepada orang tempatan.

Beliau memuji sikap prihatin pemajunya Kumpulan Country Heights (CHGC) kerana menyediakan sebuah sekolah rendah untuk penduduk tempatan, yang kebanyakan terdiri daripada kaum Bidayuh.

Yang turut hadir ialah Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan pengarah urusan CHGC Tan Sri Lee Kim Yew.

-- BERNAMA

APG CJ MT FAZ